

07 FEB 2004

Abdullah-Reviu

100 HARI SERLAHKAN KECEMERLANGAN ABDULLAH SEBAGAI PM

Oleh: Muin Abdul Majid

PUTRAJAYA, 7 Feb (Bernama) -- Pelbagai peristiwa berlaku dengan pantas sejak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih kepimpinan negara 100 hari lepas, melaksanakannya dengan tenang, Perdana Menteri membuktikan yang beliau bersedia melakukan lebih banyak lagi.

Sejak mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt tahun lepas, yang menyaksikan bekas perdana menteri itu meletakkan jawatan selepas 22 tahun menerajui negara, Abdullah telah melawat ke seluruh pelosok negara untuk bertemu rakyat dan melakukan lawatan kunjung hormat ke negara-negara Asean.

Dan sambutan terhadap perdana menteri Malaysia yang baru itu di dalam mahupun di luar negara amat menggalakkan.

Dalam temubual dengan para editor akhbar baru-baru ini menjelang tempoh 100 hari itu, Abdullah berkata tiga bulan pertama itu berjalan dengan baik dan sokongan daripada rakyat Malaysia merupakan satu dorongan kepada beliau.

Dan apa yang menyeronokkan rakyat ialah pemimpin berusia 64 tahun itu menganggap dirinya sebagai pekerja nombor satu negara, bersedia untuk berkhidmat bagi mereka.

Dalam komen pertama beliau sebagai perdana menteri semasa pulang ke negeri kelahirannya Pulau Pinang pada 1 Nov tahun lepas, Abdullah mengucapkan syukur kepada Allah kerana mewarisi kerajaan yang mantap dan sebuah negara yang lebih membangun di kalangan negara-negara membangun, terima kasih kepada kepimpinan Dr Mahathir.

Abdullah mempengerusikan mesyuarat Kabinet pertamanya pada 5 Nov dan menyampaikan ucapan sulung sebagai Perdana Menteri di Dewan Rakyat dua hari sebelum itu.

Selepas mesyuarat Kabinet, beliau memberitahu sidang media mengenai ikrarnya untuk memerangi rasuah dan mengurangkan kerenah birokrasi

kerajaan

dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan awam.

Beliau mengarahkan menteri-menteri menubuhkan pasukan petugas di kementerian masing-masing untuk memperbaiki prosedur dengan harapan perkhidmatan terbaik diberikan kepada orang ramai, terutamanya jabatan dan

agensi yang banyak berhubung dengan orang ramai.

Abdullah berulang kali menekankan perkara itu bagi menunjukkan yang

beliau benar-benar mahu ia dilaksanakan dan beliau pernah melakukan lawatan

mengejut ke Jabatan Imigresen untuk meninjau kualiti perkhidmatan di situ,

yang disambut gembira oleh orang ramai.

Perdana Menteri kemudian mengumumkan beberapa inisiatif dasar yang

turut mendapat sokongan padu orang ramai.

Beliau mencadangkan, antara lain, dasar-dasar fiskal dan pengurusan

perbelanjaan awam yang telus; pembaharuan dalam pasukan polis; meningkatkan

ketelusan dan memupuk pentadbiran korporat yang baik; dan menukar sektor

pertanian menjadi komponen utama ekonomi negara.

Bagaimanapun Abdullah berkata perubahan-perubahan dasar yang akan

dibuat di negara ini hanya apabila perlu dan ia bukan untuk kepentingan

peribadi.

Satu daripada langkah besar yang dilakukan beliau ialah menubuhkan

Suruhanjaya Khas Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja

Malaysia yang diketuai bekas Ketua Hakim Negara Tun Mohamed Dzaiddin

Abdullah yang dipertanggungjawabkan untuk mencari jalan bagi

menjadikan

polis sebagai pasukan berwibawa.

Menyedari perlunya membantu mereka yang kurang kemampuan, kerajaan

memperuntukkan RM200 juta untuk menyediakan baucer tuisyen bagi murid

sekolah rendah yang miskin di Tahun Empat, Lima dan Enam bermula tahun ini.

Skim itu akan membolehkan murid dari keluarga miskin mengikuti tuisyen

yang dikendalikan guru-guru sekolah kerajaan bagi empat mata pelajaran --

Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Sains dan Matematik.

Pendirian Abdullah dalam ketelusan perbelanjaan awam turut diuji dengan

penangguhan projek landasan kereta api berkembar berharga RM14.5 bilion

dengan beliau menyatakan terdapat projek pembangunan sosio-ekonomi yang lebih penting di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Selain itu, beliau turut mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri memastikan kos projek pembangunan di negeri masing-masing tidak melebihi peruntukan di bawah RMK-8.

Perdana Menteri juga terpaksa bergelut dengan pelbagai isu sosial yang dihadapi masyarakat seperti peningkatan jumlah kes rogol serta kemalangan maut.

Beliau juga mempunyai cara tersendiri dalam mengendalikan laporan negatif oleh media asing mengenai Malaysia apabila beliau menyangkal laporan kerajaan Amerika Syarikat yang menuduh Malaysia memihak kepada agama tertentu.

Tetapi apa yang menjadi perhatian negara ialah rombakan Kabinet yang pertama oleh Abdullah pada 7 Jan yang menyaksikan beliau melantik Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pilihan beliau itu mendapat sokongan padu dengan Najib menjanjikan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada pemimpin Nombor 1 negara.

Ketika mengulas kepimpinan 100 hari Abdullah, ahli politik kelahiran Pahang itu memuji kecemerlangan pentadbiran Perdana Menteri dengan menyatakan sifat dinamik beliau sebagai pemimpin terbukti melalui pelbagai dasar dan keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri setakat ini.

Abdullah turut melantik Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Menteri Pertanian, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Datuk Dr Effendi Norwawi sebagai Menteri Tugas-tugas Khas.

Persoalan besar yang bermain di fikiran rakyat kini ialah bilakan Abdullah akan mengadakan pilihan raya umum akan datang dengan kebanyakan orang percaya ia mungkin akan diadakan bila-bila masa sahaja sekarang.

Beliau turut meninggalkan kesan mendalam hasil lawatan beliau ke luar negara, bermula dengan menghadiri Sidang Kemuncak Memperingati Asean-Jepun pada Disember dan lawatan ke negara-negara Asean bulan lepas. Beliau masih

belum melakukan lawatan ke Myanmar.

Lawatan Abdullah ke Singapura telah membuahkan hasil yang paling mengejutkan apabila Malaysia dan republik itu bersetuju untuk cuba menyelesaikan pelbagai isu dua hala yang tertangguh melalui dialog daripada pendekatan timbang tara pihak ketiga.

Hubungan di antara kedua-dua negara berjiran sebelum ini agak tegang ekoran beberapa isu seperti harga air mentah yang dijual oleh Malaysia ke Singapura dan pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor yang kini menghubungkan kedua-dua negara.

Walaupun dalam tempoh 100 hari Abdullah memegang jawatan Perdana Menteri dipenuhi dengan pelbagai peristiwa menarik namun ia turut diselubungi kesedihan dengan kembalinya ke rahmatullah ibunya Datuk Kailan Hassan pada Isnin lepas.

Sewaktu pertama kali beliau pulang ke Pulau Pinang selepas menjadi Perdana Menteri, akhbar-akhbar menyiarkan gambar yang begitu menyentuh perasaan yang merakamkan Abdullah mencium tangan ibunya yang berbangga dengan kejayaannya.

Dilaporkan bahawa Kailan sering mengingatkan anak sulungnya itu agar menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan tidak sombong dan besar diri -- nasihat yang wajar dipatuhi oleh seluruh rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

MAM AZZ RHM RON